

DATE: 10/12/2007

Kaum India Malaysia maju: Samy Vellu

BH-10/12/2007

KUALA LUMPUR: Masyarakat India di negara ini mencapai banyak kemajuan dalam pelbagai bidang sejak 50 tahun lalu, walaupun masih banyak yang perlu dilakukan bagi menjadikan mereka lebih kompetitif dalam menghadapi realiti global, kata Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata, walaupun 60 peratus daripada komuniti itu hidup dan bekerja di ladang sebelum ini, kini lebih 80 peratus daripada mereka bertumpu di kawasan bandar; dan menurutnya “perubahan ini memberikan asas pendapatan lebih baik bagi keluarga kaum India ini”.

Kira-kira 847,900 masyarakat India ketika ini berada dalam pasaran tenaga kerja, manakala kadar pengangguran mereka ialah 3.1 peratus, katanya kepada *Bernama* dalam satu temu ramah.

Katanya, pengurus dan pekerja profesional mewakili 11.5 peratus daripada pasaran tenaga kerja, manakala profesor madya, penyarah dan jururawat 19.4 peratus, petugas pemasaran 22.9 peratus, pekerja bidang pertanian 4.9 peratus, pekerja kraftangan dan perniagaan 9.4 peratus, operator mesin 20.1 peratus, dan pekerja asas 16.3 peratus.

Beliau berkata, 2.9 peratus isi rumah dari kaum India hidup di bawah paras garis kemiskinan.

Katanya, pendapatan bulanan secara purata keluarga kaum India ialah RM3,456 berbanding angka purata nasional RM3,022.

Samy Vellu berkata, 46,054 daripada masyarakat India bekerja di dalam sektor awam dan 3,642 bertugas dalam pasukan polis.

“Bandingkan angka-angka ini dengan jumlah kaum India di Malaysia, jumlahnya berada pada lapan peratus,” katanya.

Samy Vellu berkata, MIC kini memberi tumpuan kepada usaha meletakkan lebih ramai kaum India dalam perkhidmatan awam, di samping sedang melihat kepada prospek kenaikan pangkat bagi mereka yang sudah berada dalam perkhidmatan itu.

Merujuk pembabitan kaum India dalam ekonomi, beliau berkata, terdapat peningkatan yang perlahan dalam keadaan sekarang dengan 1.2 peratus pemilikan modal saham syarikat berhad, dan katanya ini kerana ramai daripada mereka lebih percaya kepada pelaburan dalam hartanah, dan bu-

kan dalam pasaran saham.

“Pelaburan dalam hartanah juga adalah langkah yang baik, memandangkan nilai hartanah akan meningkat,” katanya.

Samy Vellu berkata, MIC juga mendapatkan pinjaman kredit mikro kepada 4,000 usahawan India sejak beberapa tahun lalu menerusi Bank Negara dan institusi kewangan lain.

“Kita juga membantu dalam mendapatkan lesen perniagaan kepada peniaga India,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan turut menyediakan program latihan perniagaan kepada belia India menerusi Institut Keusahawanan Nasional.

Kerajaan juga mewujudkan program pengenalan yang menawarkan pinjaman perniagaan menjangkau RM3 juta, sebagai pinjaman perniagaan kepada belia India menerusi Yayasan Tekun.

Di bidang pendidikan, beliau berkata, 2,447 pelajar India ditawarkan tempat di universiti awam pada pengambilan 2007, iaitu hampir enam peratus daripada jumlah pelajar di IPTA.

“Kerajaan juga menyediakan latihan kemahiran dan industri bagi mereka tercicir dari alam persekolahan, di pelbagai institut latihan industri, Pusat Giat Mara dan institut kemahiran belia negara,” katanya.

Bagi pihak MIC, beliau berkata, parti itu menubuhkan Kolej Tafe di Seremban, yang melahirkan lebih 40,000 profesional dan Universiti Asian Institute of Medicine, Science and Technology (AIMST) yang bernilai RM600 juta di Semeling, Kedah. - *Bernama*

FAKTA NOMBOR

Masyarakat India

847,900

Berada dalam pasaran tenaga kerja

46,054

Bekerja di sektor awam